

Program Pembinaan Jalanraya Humphreys, 1928-1936

ABSTRACT

Pembangunan infrastruktur pengangkutan adalah sangat penting bagi mengembangkan dan mempelbagaikan tanaman komersial. Limitasi jaringan keretapi dan sungai telah menyebabkan Syarikat Borneo Utara British (SBUB) untuk melaksanakan Program Pembinaan Jalanraya Humphreys pada tahun 1928, yakni memenuhi tanggungjawab aspek pentadbiran dan tuntutan kapitalis. Melalui penggunaan sumber primer yang meluas dari arkib, kajian ini mendapati bahawa jalanraya tersebut adalah satu hasil program pembinaan yang diinisiatifkan untuk meningkatkan jumlah jalanraya di luar petempatan utama dan seterusnya mempengaruhi perkembangan sektor pertanian. Namun, program tersebut terpaksa diabaikan pada tahun 1936 akibat kemelesetan ekonomi dunia. Justeru itu, adalah penting untuk melihat kesignifikanan pelaksanaan program pembinaan jalanraya ini dan memahami sebab program ini diabaikan sebelum mencapai tempoh pelaksanaan sebenar.